



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

**PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 1/97
PENYEMAKAN LEVI DI BAWAH SKIM PERLA**

Tujuan

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Penyedia Latihan di bawah Skim PERLA bahawa mereka dibenarkan mendapat maklumat mengenai status levi seseorang majikan sebelum pekerja mereka dibenarkan mengikuti latihan yang dianjurkan di bawah Skim PERLA. Langkah ini adalah untuk mengelakkan wujudnya masalah tuntutan penyedia latihan tidak boleh dibayar oleh Majlis disebabkan majikan tidak mempunyai levi yang mencukupi atau mempunyai tunggakan dalam pembayaran levi.

Perlaksanaan

2. Penyedia Latihan dikehendaki menghantar format seperti [lampiran A](#) untuk mendapatkan maklumat levi seseorang majikan dari MPSM. **Format ini hendaklah dihantar ke MPSM berasaskan sesuatu kursus / program latihan yang akan dijalankan dan dihantar selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum kursus dijalankan.** Penghantaran format ini hendaklah menggunakan fax bernombor 03-2535722.

3. Majlis akan memberi pengesahan status levi majikan di ruangan levi majikan di ruangan levi di lampiran A iaitu ADA bermaksud majikan mempunyai levi yang mencukupi dan TIADA bererti levi tidak mencukupi atau majikan mempunyai tunggakan levi.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(SHAHRIK BIN HASSAN)
b.p Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

